

22/08/1997

Orang Melayu tidak tahu pasaran mata wang

Tajuddin Saman

PENDEDAHAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai serangan spekulasi yang dirangka oleh George Soros baru-baru ini sepatutnya menyedarkan rakyat Malaysia, khususnya orang Melayu, mengenai percaturan kewangan antarabangsa, dalam kehidupan seharian.

Sejak merdeka hingga sekarang, dunia pertukaran nilai mata wang asing dan negara ini belum dikuasai oleh majoriti orang Melayu. Malah, sebilangan besar daripada kita tidak pernah menganggap soal ini seperkara yang penting bagi kehidupan kita.

Jika berlaku sesuatu terhadap mata wang negara seperti yang berlaku sekarang, tidak ramai daripada kita yang tahu kedudukannya yang sebenar secara terperinci sedangkan ia terlalu penting dalam kehidupan kita.

Jika wang RM100 kita tiba-tiba menjunam jatuh kepada nilai katakan kira-kira RM40 atau RM50 saja pada pasaran mata wang dunia, apakah ini tidak penting bagi kita? Kenapa ia boleh jatuh begitu teruk? Apakah yang terjadi kepada kehidupan kita kalau nilai mata wang kita asyik jatuh dan jatuh? Semua ini menunjukkan soal kejatuhan dan kenaikan mata wang itu amat penting bagi kehidupan kita. Sama ada kita hendak maju atau mundur dalam ekonomi sebenarnya banyak bergantung kepada sejauh mana pengetahuan kita dalam bidang pertukaran nilai mata wang dan penggunaan wang itu sendiri.

Tetapi dalam hal ini, majoriti orang Melayu boleh dikatakan belum mempunyai pengetahuan yang cukup mengenainya. Lebih menyedihkan, sebilangan besar daripada kita tidak berminat dalam bidang ini.

Jika kita lihat fenomena yang wujud di seluruh negara sekarang, kita boleh dipasaran tempatan boleh dikatakan seluruh kedai atau gerai penggurup wang (money changer) yang ada di Malaysia dikendalikan oleh bukan Melayu.

Setakat ini, belum ada orang Melayu yang membuka dan mengurus kedai/gerai itu. Ini menunjukkan bidang itu tidak langsung didampingi orang Melayu - bermakna kita tidak tahu langsung bagaimana mengurus soal pertukaran mata wang sedangkan ia membabitkan kehidupan kita setiap hari.

Dalam hal ini, soal kemungkinan keuntungan daripada bidang perniagaan mata wang ini terlalu sedikit menyebabkan orang Melayu tidak mahu membabitkan diri, tidak timbul.

Soal untung sedikit atau risikonya tinggi apabila seseorang menjalankan perniagaan itu atau menjadi penggurup wang bukan soal utama tetapi apa yang penting ialah sudah tiba masanya orang Melayu membabitkan diri dalam bidang yang tidak pernah mereka fikirkan selama ini.

Soal untung rugi memang menjadi adat sesuatu perniagaan tetapi soal kenapa orang Melayu tidak terbabit langsung dalam urusan niaga mata wang menjadi satu tanda tanya yang besar, lebih-lebih lagi sudah 40 tahun negara kita merdeka.

Dalam konteks ini, kita tidak mempersoalkan kalangan orang Melayu yang bekerja di bank. Kalangan ini memang tahu mengenai urusan kewangan tetapi apa yang ingin diberi perhatian ialah penggurup wang yang menjalankan perniagaan mata wang secara bersendirian, setakat ini belum membabitkan orang Melayu.

Kesan daripada "kekosongan" Melayu dalam bidang ini menyebabkan apabila berlaku serangan spekulasi mata wang seperti yang dilakukan Soros baru-baru ini menyebabkan orang Melayu, terutama di luar bandar, tidak mengambil kisah sangat kerana sebilangan besar daripada kita menganggap ia tidak membabitkan kehidupan kita.

Kebanyakan orang Melayu menganggap, apa yang mahu dipedulikan sangat mengenai serangan spekulasi itu kerana kita orang kampung. Soal itu biarlah kerajaan yang fikirkan.

Lebih buruk, sebilangan besar daripada orang Melayu menganggap spekulasi mata wang itu tidak ada kaitan dengan mereka kerana sekalipun mata wang kita diserang begitu hebat, kita masih boleh makan.

Tanggapan begini sudah tentu tidak tepat dan merugikan kita sendiri kerana kekosongan maklumat mengenai bidang ini akan melemahkan seluruh bangsa kita dalam satu daripada bidang ekonomi yang amat penting dalam kehidupan seharian masyarakat tempatan.

Keseluruhan orang Melayu, sama ada di desa atau kota, sepatutnya mempunyai maklumat yang cukup mengenai urusan pertukaran mata wang, lebih-lebih lagi bagi menghadapi cabaran lebih besar menjelang tahun 2,000 nanti.

Dalam hubungan ini, saya ingin mengesyorkan kepada institusi tertentu, termasuk institut pendidikan di negara ini supaya mewujudkan subjek khusus mengenai urusan mata wang asing bagi mendidik orang Melayu secara mendalam dalam bidang ini.

Di samping itu, pelbagai pertubuhan Melayu, Pergerakan Pemuda Umno dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia sepatutnya mewujudkan program khas bagi membangkitkan kesedaran orang Melayu dalam bidang ini dan menyediakan peluang tertentu bagi melatih golongan muda kita untuk menguasainya.

Dengan itu dalam jangka masa tertentu kelak, akan dapatlah dilihat Kedai Penggurup Wang Melayu yang mengendalikan urusan pertukaran mata wang asing di seluruh negara.

(END)